

BAB 4

PENDIDIKAN PENGAJIAN MADRASAH

Pengenalan

Institusi Madrasah merupakan asas penubuhan sekolah agama yang wujud pada hari ini. Penubuhan institusi madrasah diilhamkan oleh proses sekularisasi semasa era penjajahan dan gerakan Reformis Islam di Tanah Melayu. (Sharifah Zaleha, 1985:112). Gerakan tersebut sebenarnya diilhamkan oleh pergerakan-pergerakan yang berlaku di tempat-tempat lain di dunia Islam seperti Pergerakan Wahabi Di Hijaz dan Gerakan Pembaharuan Muhammad Abduh di Mesir. (Mohd. Taib Osman, 1983:53)

Faktor Yang Membawa Kepada Penubuhan Institusi Madrasah

Gerakan Wahabi merupakan gerakan pembaharuan Islam yang diasaskan oleh Muhammad bin Abdul Wahab. Beliau merupakan seorang ulama Hijaz yang lahir pada 1703 Masihi dan wafat pada 1792 Masihi. Beliau hidup dalam lingkungan masyarakat Islam yang berada dalam kejumudan ilmu pengetahuan. Mereka banyak mengamalkan perkara bidaah dan khurafat dalam kehidupan seharian. Muhammad bin Abdul Wahab berjuang membasmi segala bentuk bidaah dan khurafat yang berleluasa dalam masyarakat sekitarnya pada masa itu. Beliau mendapat bantuan daripada keluarga Saud (keluarga diraja Arab Saudi) yang berkuasa di Najd. (Roff, 1974 :89, Nabir Abdullah, 1976:12, <http://www.isnet.org/archive-milis/archive97/apr97/author.html>)

Gerakan Wahabi memperjuangkan idea *Pan-Islamism* iaitu penyatuan Islam di peringkat antarabangsa. Pada tahun 1924 Masihi, Ibnu Saud telah menawan Hijaz dan kemudiannya berusaha untuk menjatuhkan khalifah serta memulihkan keadaan dunia Islam. Tetapi harapan itu berkubur dengan kegagalan Kongres Islam Sedunia yang dijadualkan akan diadakan di Makkah pada tahun 1926 Masihi. Persatuan pelajar Malaysia yang dikenali sebagai *al-Difa' al-Watani* turut menghantar dua orang wakil ke kongres tersebut. (Roff, 1974:89)

Pada peringkat permulaan, Gerakan Wahabi mendapat tentangan hebat daripada masyarakat Islam. Pihak penjajah Barat pula menghasut umat Islam agar menentang gerakan ini kerana kononnya gerakan tersebut telah terkeluar dari landasan Islam. Sebenarnya, pihak penjajah Barat sendiri bimbang dengan kemunculan Gerakan Wahabi kerana salah satu matlamat perjuangannya ialah menghancurkan kuasa orang bukan Islam terhadap masyarakat Islam. (<http://www.lib.usm.my/Moro/GPI/bab2html>)

Walaupun mendapat tentangan hebat pada mulanya, namun akhirnya gerakan ini telah dapat difahami dan seterusnya berjaya mempengaruhi masyarakat Islam di seluruh dunia termasuklah di Alam Melayu. Walaupun Kongres Islam Sedunia gagal tetapi sedikit-sebanyak telah mempengaruhi gerakan pembaharuan Islam di Tanah Melayu, terutamanya mengenai idea *Islamic Renaissance* yang dikatakan mampu menundukkan dunia Barat. (Roff, 1974 :89)

Selain Gerakan Wahabi, satu lagi gerakan pembaharuan Islam yang mempengaruhi masyarakat di Tanah Melayu ialah Gerakan Islah Muhammad Abduh di Mesir. Muhammad Abduh yang mempelopori gerakan ini adalah Mufti Besar Mesir sejak tahun 1899 Masihi sehingga kematiannya pada 1905 Masihi. Sebenarnya,



Gambar 5 Sayid Jamaluddin al-Afghani.Sumber: Zainal Abidin bin Abdul Wahid *et al.*, 1992, *Sejarah*, Kuala Lumpur :DBP, hal. 184



Gambar 6 Syeikh Muhammad Abduh, pemimpin Gerakan Pemulihan di Mesir.Sumber: Zainal Abidin bin Abdul Wahid *et al.*, 1992, *Sejarah*, Kuala Lumpur:DBP, hal.184



Gambar 7 Syed Syekh al-Hadi. Sumber: Zainal Abidin bin Abdul Wahid *et al.*, 1992, *Sejarah*, Kuala Lumpur :DBP, hal. 186

Muhammad Abduh (1849-1905 Masihi) terpengaruh dengan gurunya, Syed Jamaluddin al-Afghani (1839-1897 Masihi). Beliau berusaha membasmi segala perkara bidaah, khurafat dan taklid yang melemahkan umat Islam pada ketika itu.

Program Pembaharuan Muhammad Abduh dapat disimpulkan seperti berikut:

- i) Membersihkan Islam daripada unsur-unsur khurafat dan bidaah.
- ii) Mengadakan pembaharuan pendidikan dengan memperkenalkan pendidikan yang lebih tinggi. Selain itu, umat Islam digalakkan mempelajari ilmu pengetahuan moden dari Barat untuk kebaikan mereka, selagi ilmu tersebut tidak bertentangan dengan Islam.
- iii) Merumuskan ajaran Islam menurut cara berfikir moden, kerana Islam sesuai dengan semua tempat dan zaman.
- iv) Memelihara agama Islam daripada pengaruh Barat dan Kristian.

(Roff, 1974: 59-60, <http://www.lib.usm.my/Moro/GPI/bab2html>)

Berbeza daripada Gerakan Wahabi yang menentang keras pengaruh Barat dan penjajahannya serta menimbulkan gerakan militan di negara Islam, Fahman Abduh bersikap lebih bertolak-ansur dengan Barat. Fahman ini menggalakkan masyarakat Islam mempelajari ilmu dan teknologi moden dari Barat untuk kemaslahatan umat Islam. Unsur-unsur Barat yang membina dan tidak berlawanan dengan Islam hendaklah diambil. Sementara itu, unsur-unsur Barat yang membawa kerosakan dan bertentangan dengan Islam perlulah dibuang. (<http://www.lib.usm.my/Moro/GPI/bab2html>)

Pihak penjajah Barat tidak terlalu memusuhi Gerakan Pembaharuan Abduh dan ia dibiarkan berkembang di tanah jajahan Barat termasuklah di Tanah Melayu. Gerakan ini sangat berpengaruh di kalangan mahasiswa universiti al-Azhar kerana Muhammad

Abduh sendiri merupakan seorang profesor di universiti tersebut. Golongan mahasiswa ini telah menerbitkan majalah **al-Manar** untuk menyebarkan Fahaman Muhammad Abduh ke seluruh dunia Islam termasuklah ke Tanah Melayu. Di Tanah Melayu pula, idea Reformis Islam dikembangkan oleh segelintir mahasiswa al-Azhar dari Tanah Melayu yang terpengaruh dengan fahaman Muhammad Abduh. (Roff, 1974:59)

Di Tanah Melayu, muncul Gerakan Reformis Islam yang dipelopori oleh Kaum Muda iaitu sekumpulan tokoh-tokoh Islam yang mempunyai pandangan moden dan progresif. Mereka menyeru umat Islam agar mengukuhkan kedudukan politik dan sosioekonomi. Mereka terdiri daripada graduan universiti al-Azhar, Mesir yang terpengaruh dengan gerakan Islah pimpinan Syed Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh. Kepulangan golongan ini ke tanahair telah membawa aliran baru dalam pendidikan Islam, sehingga muncul beberapa orang tokoh terkenal, antara lain ialah Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Abu Bakar al-Asyari, Haji Abdullah Fahim, Haji Ahmad Tuan Hussin dan lain-lainnya. (Khoo Kay Kim, 1980:8-9, Nabir Haji Abdullah, 1976: 16)

Kedatangan Inggeris dan pendakwah Kristian dalam abad ke-19 Masihi telah memberi satu kejutan budaya kepada masyarakat Melayu yang beragama Islam. Penubuhan sekolah-sekolah Inggeris secara meluas telah dianggap sebagai ancaman kepada agama Islam. Sekolah-sekolah Inggeris dan sekolah-sekolah vernakular Melayu dianggap menyebarkan ideologi sekularisme yang cuba memisahkan agama dari kehidupan.

Golongan ini merupakan perintis kepada penubuhan madrasah yang bersifat moden di seluruh Tanah Melayu untuk memberi pelajaran yang lebih menyeluruh dan



Gambar 8 Muka depan majalah *al-Imam*, keluaran tahun 1908. Sumber: Zainal Abidin bin Abdul Wahid *et al.*, 1992, *Sejarah*, Kuala Lumpur :DBP, hal. 192

sistematik kepada anak-anak Melayu. Objektif utama penubuhannya ialah untuk bersaing dengan sekolah-sekolah Inggeris dan sekolah-sekolah Vernakular Melayu. (Abdullah Ishak, 1995: 246, Sufean Hussin, 1996:20-21, Abdullah Jusuh, 1990: 16-17)

Kemunculan Institusi Madrasah

Kelahiran institusi madrasah sebagai penyesuaian dari sistem pengajian pondok, mempunyai hubungan rapat dengan 'Pertikaian Kaum Tua dan Kaum Muda'. Sebelum dibincangkan usaha-usaha dan pengaruh Kaum Muda ke atas sekolah-sekolah agama rakyat, terlebih dahulu diterangkan pengertian Kaum Tua dan Kaum Muda. Istilah 'Kaum Tua dan Kaum Muda' sebenarnya sengaja diada-adakan pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Objektifnya ialah untuk menunjukkan perbezaan di antara dua aliran kefahaman dalam Islam di kalangan masyarakat Melayu pada masa itu.

Kaum Tua tidak bersetuju dengan pembentukan sistem madrasah. Mereka berpendapat bahawa sistem tersebut akan merendahkan mutu pendidikan Islam dan generasi Islam pada masa akan datang. Tetapi Kaum Muda tetap meneruskan usaha mereka. Pertikaian antara Kaum Muda dan Kaum Tua semakin hebat dengan kelahiran akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang menyuarakan pendapat masing-masing. Kaum Tua menyuarakan idea-idea mereka di dalam akhbar **Pengasoh**. Kaum Muda di Timur Tengah menerbitkan dua buah majalah, iaitu **Seruan Azhar**(1925-1928 Masihi) dan **Pilihan Timur** (1927-1928 Masihi). Selain itu, majalah-majalah tempatan yang diterbitkan oleh Kaum Muda termasuklah **Al-Imam**, **Neracha**, **Warta Malaya**, **Al-Ikhwan**(1926 Masihi), **Saudara**(1928 Masihi), **Sahabat** dan sebagainya. (Nabir Haji Abdullah, 1976: 15)

Majalah **Seruan Azhar** telah diterbitkan oleh Kesatuan *Jami'ah al-Khairiah*, iaitu sebuah Pertubuhan Penuntut-penuntut Malaya dan Indonesia di Universiti al-Azhar, Mesir. Kemudian, lahir pula akhbar **Pilihan Timur** atas usaha para pelajar Indonesia. Kedua-dua majalah ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tempatan. Kandungan kedua-dua majalah tersebut banyak berkisar tentang *Pan-Islamism*, *Pan-Malayanism* dan *Anti-Colonialism*, disamping soal pendidikan dan ekonomi. Walau bagaimanapun, pada masa tersebut (sekitar tahun 1920-an), tiada satu pergerakan kebangsaan yang menyatukan suara golongan ini. (Nabir Haji Abdullah, 1976: 16, Roff, 1974: 87-88)

Selain dari penggunaan akhbar-akhbar untuk menyuarakan pandangan mereka, golongan ini juga cuba mempengaruhi pemikiran masyarakat menerusi sistem pendidikan, iaitu dengan memperkenalkan institusi madrasah. Di institusi ini, pelajaran berbentuk moden dijalankan, iaitu pelajaran yang benar-benar berlandaskan ajaran al-Quran dan al-Hadis, dan membuang segala unsur-unsur taklid dan jumud dalam ilmu pengetahuan. Menurut Radin Soenarno:

'a renewal confidence in the ability of Islam to suit itself into the new order of progress (to let them) discovered a new spirit and a sense of dignity.'

(Raden Soenarno, 1960:8 dipetik dari Nabir Abdullah, 1976:17)

Atas desakan-desakan Kaum Muda, maka institusi pondok mengalami evolusi kepada lahirnya institusi madrasah yang lebih formal. Sistem ini mendapat sambutan baik daripada masyarakat Melayu kerana wujudnya semangat cintakan Islam dan

kesedaran untuk menentang penjajah British di kalangan masyarakat pada masa tersebut.

Struktur pembelajaran di institusi madrasah mempunyai penyusunan dan organisasi yang lebih sistematik daripada institusi pondok. Di madrasah, had umur ditentukan, kelas-kelas dibahagikan kepada beberapa peringkat dan sijil-sijil dikeluarkan kepada para pelajar yang tamat persekolahan. Selain itu, pembelajaran di madrasah menggunakan peralatan yang lebih sempurna termasuklah kerusi-meja dan papan hitam. Kurikulum pengajian madrasah tidak hanya memberi penekanan terhadap mata pelajaran Agama Islam, tetapi juga mengintegrasikan pelajaran akademik selaras dengan pelajaran agama untuk meninggikan prestasi akademik anak-anak Melayu selaras dengan peredaran zaman dan tuntutan masa. (Abdullah Ishak, 1995:248-249, Abdullah Jusuh, 1990: 17)

Dengan kemunculan sistem madrasah, penekanan mula diberikan kepada permasalahan global mengenai pembentukan semula moral dalam masyarakat, kebebasan dari cengkaman penjajah, peningkatan taraf sosio-ekonomi rakyat tempatan, bahaya sekolah-sekolah mubaligh Kristian, kepentingan untuk berada selari dengan perkembangan pesat ilmu-ilmu sains dan kecanggihan teknologi Barat. Dalam institusi madrasah, berlaku desakan untuk memperkenalkan sistem pendidikan moden dengan kurikulum baru yang mengintegrasikan ilmu keduniaan dan ilmu keagamaan (M. Kamal Hassan, 1996 :18)

Di institusi-institusi tersebut, usaha-usaha dijalankan untuk mengintegrasikan mata pelajaran akademik dan agama bagi menghadapi cabaran moden. Dalam usaha tersebut,

umat Islam hendaklah berhati-hati. Sistem pendidikan Islam perlu bebas daripada pengaruh pendidikan sekular (yang dibawa oleh pemodenan). Sebaliknya, sistem tersebut mestilah dicorakkan dengan identiti pendidikan Islam yang *holistic* dan *tawhidic*. Untuk menjayakan rancangan tersebut, dua tugas perlu dijalankan serentak, iaitu:

1. membuang unsur-unsur sekular dan materialistik daripada semua mata pelajaran di setiap peringkat persekolahan.
2. memasukkan unsur-unsur keimanan dan ketaqwaan dalam semua mata pelajaran.

Selain itu, masyarakat Islam juga perlu mencari jalan untuk mewujudkan pendidikan bersepadu berlandaskan *tasawwur Islam* yang tidak mengklasifikasikan ilmu kepada ilmu-ilmu agama dan ilmu-ilmu sekular. Kedua-dua jenis ilmu tersebut perlu disatukan dalam suatu integrasi yang utuh. (Dr Wan Salim Mohd. Nor, 2000 : 2)

Di dalam usaha mencapai kemajuan dalam kehidupan, masyarakat Islam khususnya masyarakat Melayu tidak harus tunduk kepada tekanan golongan-golongan tertentu yang ingin menghancurkan Islam dengan cara melumpuhkan sistem pendidikan bercorak Islam dan memberi alasan untuk memenuhi tuntutan zaman. Tradisi intelektual Islam kini dan masa hadapan termasuk institusi madrasah perlu mengambil pendekatan integrasi antara pendidikan moral, ilmu agama dan ilmu sains, seterusnya memberi sokongan kepada perubahan sosial yang positif, jika natijahnya ialah memenuhi tanggungjawab terhadap Allah dan memberi kesejahteraan kepada masyarakat Islam di dunia dan akhirat (M. Kamal Hassan, 1996:18) Ini kerana sistem pendidikan di dalam Islam berkait rapat dengan peradaban. Pendidikan berperanan memupuk asas-asas peradaban dalam Islam sebagai tamadun Ilahi. Pendidikanlah yang membentuk zaman



Gambar 9 Allahyarham Tuan Haji Saleh Masri. Sumber: Osmani Bakar, 1980, 'Haji Saleh Masri : Pengasas al-Masriyyah, Bukit Mertajam', *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, hal. 63

supaya mematuhi perintah Tuhan dan bukan sebaliknya (Muhammad Uthman El-Muhammady, 1976:107)

Perkembangan Institusi Madrasah di Tanah Melayu


Atas usaha yang bersungguh-sungguh dari masyarakat Melayu, maka sebuah madrasah ditubuh pada tahun 1906 Masihi, diberi nama *al-Madrasah al-Masriyyah*. Madrasah ini terletak di Bukit Mertajam, Seberang Perai, Pulau Pinang dan pengasasnya ialah Tuan Haji Salleh Masri. Nama *al-Masriyyah* diberikan sempena nama negeri Mesir. Ini kerana sistem pengetahuan dan pelajaran di madrasah tersebut adalah berdasarkan sistem dari Mesir. (Osman Bakar, 1980: 66)

Seterusnya, *Madrasah al-Iqbal* ditubuhkan di Singapura pada tahun 1908. Tetapi madrasah ini terpaksa ditutup akhirnya kerana masalah ekonomi. Sebagai gantinya, satu madrasah didirikan di Riau dan diberi nama *al-Madrasah al-Ahmadiyyah*. Di Kelantan pula, *Madrasah Muhammadiyyah Melayu* didirikan pada tahun 1917 Masihi. Madrasah ini bertempat di Bangunan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Pada tahun ini juga, Syed Syeikh al-Hadi (seorang tokoh reformis Islam), mendirikan Sekolah al-Hadi di Melaka. Tetapi malangnya, sekolah ini hanya kekal setakat dua tahun sahaja. (Abdullah Jusuh, 1990:17-18)

Kemudian, pada tahun 1919 Masihi, beliau menubuhkan pula Madrasah al-Mashoor di *Tek Soon Street*, Pulau Pinang. Nama madrasah tersebut mengambil sempena nama Sayid al-Mashoor, seorang tua yang sangat disegani oleh masyarakat Islam di Pulau Pinang pada masa itu. Pada permulaannya, Syed Syeikh terlibat dalam perjalanan Sekolah al-Quran yang bertempat di Kampung Jawa Lama. Sebagai seorang



Gambar 10 Guru-guru dan Guru-guru Pelatih Madrasah Al-Masriyyah sebelum perang. Sumber: Osman Bakar, 1980, 'Haji Saleh Masri : Pengasas al-Masriyyah, Bukit Mertajam', *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hal. 73



Gambar 11 Madrasah al-Mashoor (Lelaki) di Teck Soon Street, Pulau Pinang. Sumber : Rahim Osman, 1980, 'Madrasah Mashoor al-Islamiyyah, Pulau Pinang', *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hal. 79

yang menyadari kepentingan untuk melengkapkan masyarakat Islam dengan ilmu pengetahuan moden, beliau menggesa supaya pendidikan di Sekolah al-Quran diubah ke arah pendidikan Islam yang lebih luas dan menepati kehendak masa. Walaupun perkara ini menimbulkan pertelingkahan pada mulanya, tetapi perkara ini dapat diatasi akhirnya. Madrasah *al-Mashoor* berjaya ditubuhkan dan Syed Sheikh sendiri menjadi guru besar sekolah tersebut selama tiga tahun. (Rahim Osman, 1980:77-78)

Kemudian pada tahun 1930-an, berlaku penubuhan cawangan-cawangan Madrasah *al-Mashoor*. Atas usaha Syeikh Abbas Bakar Rafe dan Syeikh Mohd. Husain Rafe, Madrasah *al-Mashoor* (bahagian perempuan) telah ditubuhkan pada tahun 1934 Masihi di *Macalister Road*. Dua tahun berikutnya, madrasah ini dipindahkan pula ke Jalan Burmah. (Rahim Osman, 1980: 80)

Penubuhan sebuah madrasah khas untuk anak-anak perempuan merupakan satu usaha yang berani pada masa itu dan bertujuan untuk memberi ajaran Islam kepada anak-anak perempuan sama seperti yang dinikmati oleh anak-anak lelaki. Tindakan Syed Abbas ini selari dengan idea emansipasi wanita yang ditiupkan oleh gerakan Kaum Muda dan pernah disuarakan oleh Sayid Syeikh al-Hadi menerusi novel pertamanya **Hikayat Faridah Hanum**. (1926 Masihi)


Pada tahun 1938 Masihi, Madrasah *al-Mashoor* berjaya mengembangkan pengaruhnya ke Sabak Bernam, Selangor. Pada tahun berikutnya, sebuah cawangan lagi didirikan di Balik Pulau, Pulau Pinang. Seterusnya sekitar tahun 1930-an, banyak madrasah-madrasah didirikan di Pulau Pinang. Antaranya ialah Madrasah *al-Mahar*, Madrasah *al-Huda al-Diniyyah* di Jalan Dato' Keramat, Madrasah *al-Mahmudiyyah al-Islamiyyah* di Jalan Ah Kui dan lain-lainnya. Semua madrasah ini mengikuti sistem

persekolahan yang dipelopori oleh Madrasah *al-Mashoor* di Tek Soon Street. (Rahim Osman, 1980:81)


Di madrasah ini, sering diadakan majlis perbahasan dan syarahan seminggu sekali. Objektifnya ialah untuk membuka fikiran para penuntut dan memberi peluang kepada mereka untuk bertukar-tukar pendapat. Di madrasah ini juga, para pelajar diajar 3 bahasa iaitu bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Selain itu, sistem peperiksaan juga diperkenalkan. Corak pembelajaran secara moden ini berjaya menarik perhatian masyarakat Islam ketika itu sehingga pelajar-pelajar dari Thailand, Kalimantan dan negeri-negeri lain di Tanah Melayu datang ke madrasah tersebut.

Kemudian, berlaku pertumbuhan pesat sekolah-sekolah agama pada abad ke-20 Masihi. Penghulu Haji Hassan bin Haji Taib dan saudaranya Haji Jaafar dengan bantuan masyarakat setempat telah berjaya membina *Madrasah al-Khairiyyah* di Johor. Berhampiran dengan madrasah itu, Haji Jaafar mendirikan pula sebuah sekolah Inggeris dan menanggung pembiayaan sekolah tersebut. Objektif penubuhan kedua-dua sekolah tersebut ialah untuk memberi pendidikan dalam bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu kepada kanak-kanak di situ. (Saman Shariff, 1984:87)

Kemudian, pada tahun 1921 Masihi, beliau mendirikan pula Madrasah Haji Taib, di Kampung Parit Jamil, Muar. Madrasah ini memperkenalkan sistem pelajaran berbentuk moden sejajar dengan perjuangan Kaum Muda yang cuba membangunkan masyarakat Islam selari dengan arus perubahan masa. Madrasah ini merupakan Sekolah Agama yang terkenal di Johor dan pernah dibantu oleh Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin yang merupakan salah seorang pemimpin gerakan Islah di Tanah Melayu.



Gambar 12 Madrasah al-Mashoor (Perempuan) di Burmah Road, Pulau Pinang. Sumber : Rahim Osman, 1980, 'Madrasah Mashoor al-Islamiyyah, Pulau Pinang', *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hal. 79



Gambar 13 Sekolah Menengah Agama al-Attas, Ketapang, Pekan, Pahang. Sumber : Ahmad Muda, 1980, 'Sekolah Agama Rakyat Negeri Pahang', *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hal. 108

Atas usaha guru-guru di madrasah ini, maka lahirlah **Majalah Penyuluh** dan disusuli pula dengan penerbitan **Majalah Masa**. (Saman bin Shariff, 1984 : 87-91)

Sehingga tahun 1920-an, semua murid madrasah tersebut adalah lelaki. Menjelang tahun 1930-an, berlaku perubahan dengan pendaftaran 20 orang murid perempuan di madrasah tersebut. Pada tahun 1936 Masihi, Madrasah Al-Haji Taib telah diserahkan kepada kerajaan Johor dan dijadikan 'Sekolah Melayu Perempuan Parit Jamil Muar'. Penyerahan tersebut dibuat berikutan kegawatan ekonomi. (Saman Shariff, 1984:95)


Di Selangor pula, madrasah yang pertama dibina ialah Madrasah Awammiyah. Ia terletak di Sabak Bernam dan pengasasnya ialah Mohd. Awam bin Mohd. Rosdi. Antara tahun 1930-1940 Masihi, banyak madrasah-madrasah didirikan bagi menyekat penyebaran agama Kristian dan mengatasi kemerosotan pelajaran agama di sekolah-sekolah Melayu. Madrasah-madrasah tersebut ialah Madrasah Kampung Parit Baharu, Madrasah Muhamdiyyah, Madrasah Kampung Baharu, Madrasah Parit Lima Sungai Besar dan Madrasah di Pekan Sungai Besar. (Md. Jani Naim, 1984 :55)

Di Pahang, terdapat seorang ulama terkenal iaitu Haji Mohd. Hassan bin Mohd. Senek yang digelar Mu'allim Hassan. Beliau pernah bertugas sebagai guru besar di Madrasah al-Attas, Ketapang, Pekan. Madrasah ini didirikan pada tahun 1923 Masihi oleh Habib Hassan al-Attas, salah seorang keturunan Sayyid yang banyak memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan Islam di Pahang. (Ahmad bin Muda, 1984 :98-99)


Manakala di negeri Terengganu pula, pegawai-pegawai tinggi Melayu yang berminat dengan pendidikan Islam telah mengadakan kelas pengajian agama secara persekolahan pada tahun 1925 Masihi. Kelas itu merupakan kelas tumpangan di Sekolah Melayu Paya Bunga, Kuala Terengganu. Usaha tersebut merupakan usaha asas ke arah pembinaan Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk, Kuala Terengganu. Sekolah ini merupakan sekolah agama yang terbesar di Terengganu.

Pada tahun 1934 Masihi, muncul sebuah madrasah yang terkenal di Semenanjung Malaysia, iaitu *Ma'had Ihya al-Syarif*. *Ma'had Ihya al-Syarif* didirikan di Gunung Semanggol, Perak. Madrasah ini menggugat kedudukan penjajah British kerana peranannya sebagai wadah kegiatan politik Islam. Madrasah ini pada asalnya merupakan sebuah sekolah pondok yang dikenali sebagai Pondok Rahmaniah. Pondok ini didirikan pada tahun 1918 Masihi di bawah pimpinan Ustaz Haji Abdul Rahman bin Mahmud. Kemudian pada 15 April 1934 Masihi, pondok itu bertukar wajah kepada madrasah yang dinamakan *Ma'had Ihya al-Syarif* di bawah pimpinan Ustaz Abu Bakar al-Bakir. (Nabir Haji Abdullah, 1976:29, 37 dan 39)

Sementara itu, di Kuala Kangsar, Perak, sebuah madrasah didirikan dan dinamakan *al-Madrasah al-Idrisiyyah*. Di Negeri Sembilan juga terdapat beberapa orang guru agama yang popular. Haji Ahmad bin Muhammad Said al-Dandarawi (1912-1964 Masihi), bekas Mufti Negeri Sembilan merupakan pelopor sistem pengajian Islam di Negeri Sembilan. Beliau telah mengasaskan Madrasah al-Sa'idiyah pada tahun 1935 Masihi.



Gambar 14 Sekolah Tinggi Agama Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Sumber : Ahmad Muda, 1980, 'Sekolah Agama Rakyat Negeri Pahang', *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur:Persatuan Sejarah Malaysia, hal. 108



Gambar 15 Madrasah al-Alwiyyah, Arau, Perlis. Sumber :Saniyah Abas, 1980, 'Al-Madrasah Al-Alwiyyah Al-Madiniyyah, Arau, Perlis', *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur:Persatuan Sejarah Malaysia, hal. 137

Di Perlis, *al-Madrasah al-Alawiyah al-Madaniyyah* dibina pada tahun 1937 Masihi. Sebelum ini, madrasah tersebut dikenali sebagai *Madrasah al-Ra'yat* (dibina pada tahun 1912 Masihi). Madrasah *al-Alawiyah* ditadbir dan dibiayai sepenuhnya oleh Pejabat Zakat dan Fitrah, negeri Perlis. Pada peringkat permulaan, madrasah ini mengikuti sistem pelajaran negara Mesir dan buku-buku juga dibawa dari sana. Dua syarat dikenakan kepada murid-murid yang ingin memasuki madrasah ini iaitu:

1. menghafal sekurang-kurangnya 3 juz al-Quran.
2. lulus darjah lima sekolah Melayu.

Kemudian pada tahun 1967 Masihi, Sistem Pelajaran Persekutuan dilaksanakan di madrasah ini. Menurut sistem tersebut, semua murid perlu menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Dengan pengenalan Sistem Pelajaran Persekutuan, sistem lama yang berdasarkan sistem negara Mesir telah dihapuskan. (Saniyah Abas, 1984:129-133)

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, institusi madrasah muncul di Tanah Melayu pada awal kurun ke-20 Masihi. Institusi ini dipelopori oleh Kaum Muda, iaitu golongan reformis Islam yang cuba memulihkan keadaan hidup masyarakat Melayu menerusi pendidikan. Institusi madrasah bertindak sebagai alternatif kepada sekolah-sekolah yang diperkenalkan oleh penjajah British termasuklah sekolah Inggeris dan sekolah vernakular Melayu.

Institusi madrasah merupakan sekolah agama berbentuk moden dan mempunyai organisasi yang lebih sistematik. Pembinaan madrasah meyakinkan masyarakat Melayu tentang kedudukan dan kedaulatan agama Islam dalam usaha menghadapi persaingan daripada sekolah-sekolah Inggeris dan sekolah-sekolah vernakular Melayu. Institusi madrasah cuba melahirkan para pelajar yang bukan hanya menumpukan kepada pengajian agama, tetapi juga mampu memahami mata pelajaran akademik. Perkara ini penting supaya generasi akan datang mampu mendepani cabaran semasa.